

TARIKH: 28/8/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 12.

SISTEM GAJI PROGRESIF

Gaji minimum RM1,500 kekal

Kuching

Gaji minimum RM1,500 masih dikekalkan di bawah kerangka dasar sistem gaji progresif yang bakal diperkenal oleh kerajaan, kata Menteri Sumber Manusia V Sivakumar (*gambar*).

Beliau berkata sistem gaji progresif, yang dilihat paling relevan untuk diamalkan di Malaysia, perlu seiring dengan gaji minimum dan meningkatkan produktiviti pekerja sekali gus memberi keuntungan kepada majikan.

"Gaji minimum RM1,500 adalah paras paling asas, sekiranya kita menurunkan angka gaji minimum, itu bukanlah bersifat progresif tetapi regresif," katanya dalam sidang media selepas Program Dialog Perburuhan di sini, kelmarin.

Sistem gaji progresif merupakan peralihan daripada model pemberian upah minimum kepada kenaikan gaji secara berperingkat dan berfasa supaya ia setanding dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Pada Khamis lepas, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata dasar sistem gaji progresif diluluskan di peringkat Kabinet dan butirannya akan dibentangkan dalam Belanja 2024 pada

"Gaji minimum RM1,500 adalah paras paling asas, sekiranya kita menurunkan angka gaji minimum, itu bukanlah bersifat progresif tetapi regresif"

Oktober ini dengan jangkakan pelaksanaan pada April atau Mei tahun depan.

Sivakumar juga berkata Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi memperinci garis panduan dasar itu turut menetapkan pelaksanaan sistem gaji progresif tidak diwajibkan ke atas semua majikan swasta.

"Apabila kita menetapkan RM1,500 sebagai gaji minimum, ia tidak melibatkan soal produktiviti, oleh itu kita mahukan pekerja yang berkemahiran dan mempunyai bakat mendapat bayaran setimpal sekali gus menjadi nilai tambah dan aset kepada majikan mereka untuk kekal bekerja."

"Pada masa akan datang, majikan se-

cara perlahan-lahan akan menyedari keperluan melaksanakan gaji progresif, jadi untuk peringkat awal, kita akan biarkan majikan membuat keputusan sama ada mereka mahu gunakan sistem gaji progresif atau tidak," katanya.

Program itu, yang membincangkan isu perburuhan di Bumi Kenyalang, turut dihadiri Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Buruh, Imigrasi dan Pemantauan Projek) Datuk Gerawat Galla, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Awang Raduan Awang Omar serta majikan, kesatuan pekerja dan penyedia latihan di negeri berkenaan.

Sivakumar berkata pihaknya akan meneliti cadangan penggubalan Akta Iklan Gaji agar majikan lebih telus dengan mewajibkan mereka meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

"Cadangan itu baik untuk rakyat dan apa yang baik untuk rakyat, kita sedia pertimbangkan. Kita akan berbincang dengan pihak berkepentingan

untuk memperinci perkara ini," katanya sambil menambahkan buat masa ini, akta itu tidak mewajibkan majikan berbuat demikian.



Lokal Harian Metro
ms 12
Isnin 28.08.23